

# Aplikasi GAMMA inisiatif kerajaan untuk rakyat

**SPONSORED CONTENT**

Nurshafika Suhaimi - Oktober 29, 2021 @ 11:25am



**MUAT TURUN SEKARANG**  
**Aplikasi GAMMA.MY**

Download on the App Store | GET IT ON Google Play | Download on AppGallery

Lebih 100 Apps agensi Kerajaan boleh dicari & dimuat turun dengan pantas dan mudah

"Rate & Review" Apps bagi tambah baik perkhidmatan agensi Kerajaan

STATISTIK

Jumlah Aplikasi	Jumlah Agensi	Aplikasi Terkini 2021
178	90	29

Aplikasi Tumpuan

- Malaysia MyGov Portal MyJajanan
- MyJajanan MyGov Portal MyJajanan
- MyJajanan MyGov Portal MyJajanan

Muat Turun Tertinggi

- MyJajanan MyGov Portal MyJajanan
- MyGov Portal MyGov Portal MyGov Portal
- MyGov Portal MyGov Portal MyGov Portal

TOP DOWNLOADS

- 31,180,112 MySejahtera
- 1,339,156 MySP9 Semak
- 1,083,462 MyIRBMS Mobile
- 612,124 UPU Pocket
- 519,581 Smart-Coin
- 471,935 Vaccine-Certificate Verifier
- 453,718 MyIRBMS-eSL
- 412,426 ePayasp JAJAN
- 256,286 MyIRBMS-Profi
- 247,476 MySOS

LAYARI GAMMA.MALAYSIA.GOV.MY | Hujung supports-gamma@mampu.gov.my

PENGGUNAAN meluas telefon pintar telah mengubah corak penyampaian perkhidmatan kerajaan yang dahulunya berbentuk konvensional kepada lebih inovatif, kreatif, moden dan digital dengan matlamat mendekati rakyat.

Di Malaysia, kerajaan telah memulakan inisiatif membangunkan perkhidmatan mudah alih kerajaan pada tahun 2007 melalui pembangunan web mudah alih dan perkhidmatan agensi kerajaan secara dalam talian.

Perkhidmatan untuk telefon mudah alih dikembangkan dengan pembangunan Gerbang SMS Kerajaan (mySMS 15888) pada tahun 2008 dan myGovMobile yang merangkumi perkhidmatan myApp, mySMS, myPay, myMMS dan myUSSD pada tahun 2011.

Pada tahun 2015, Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) mengambil inisiatif memperluas perkhidmatan aplikasi mudah alih di bawah program myGovMobile dengan memperkenalkan Galeri Aplikasi Mudah Alih Kerajaan (GAMMA).

Bertemakan "Mobiliti, Gaya Hidup Pintar", tumpuan utama GAMMA adalah untuk menjadi gerbang utama kepada rakyat membuat carian dan muat turun aplikasi mudah alih Kerajaan.

GAMMA adalah gerbang capaian digital terus ke peranti pintar pengguna yang selamat, dipercayai dan sah.

**Pelaksanaan perkhidmatan MyGov Mobile**



Pada masa kini, penerbitan aplikasi mudah alih dalam Gudang Aplikasi adalah terbuka dan aplikasi boleh dibangunkan oleh sesiapa sahaja.

Hal ini menyebabkan timbulnya isu jaminan kesahihan sumber aplikasi mudah alih kerana diterbitkan daripada pelbagai sumber.

Melalui inisiatif GAMMA, setiap aplikasi mudah alih kerajaan akan diterbitkan atas nama Kerajaan Malaysia.

Oleh itu, keaslian agensi pemilik perkhidmatan dari segi data dan fungsi aplikasi dijamin oleh kerajaan untuk digunakan oleh orang ramai.

GAMMA membolehkan inisiatif dan perkhidmatan kerajaan diperluas dengan cepat, mudah dan meluas.

Sehingga September 2021, terdapat lebih 178 aplikasi mudah alih kerajaan boleh dicapai menerusi GAMMA dan bilangan aplikasi ini bertambah dari semasa ke semasa.

GAMMA telah merekodkan seramai 2.8 juta pelawat dan jumlah muat turun sebanyak lebih daripada 44.2 juta sejak mula dilancarkan pada tahun 2015.

Bilangan ini menunjukkan orang ramai semakin cakna untuk mendapatkan perkhidmatan kerajaan yang ditawarkan melalui saluran digital dan GAMMA menjadi platform untuk memuat turun aplikasi mudah alih kerajaan selain gudang pasaran aplikasi sedia ada.

### **Pencapaian GAMMA**

Aplikasi MySejahtera yang dibangunkan oleh kerajaan Malaysia untuk membantu dalam usaha pengawasan penularan wabak COVID-19 di dalam negara adalah aplikasi mudah alih kerajaan dengan jumlah muat turun yang tinggi.

MySejahtera membolehkan pengguna melaksanakan penilaian kesihatan sendiri dan ahli keluarga. Pada masa sama, membantu Kementerian Kesihatan melakukan pengesanan kontak rapat COVID-19.

Sejak mula dilancarkan pada tahun 2020, MySejahtera menjadi aplikasi kerajaan yang berada pada ranking tertinggi dengan merekodkan lebih daripada 27 juta muat turun.

Aplikasi mudah alih lain yang juga merekodkan bilangan muat turun yang tinggi ialah MYSPR Semak.

Aplikasi ini memberikan kemudahan kepada warganegara untuk membuat semakan status pendaftaran sebagai pemilih dan lokasi tempat mengundi semasa pilihan raya.

Orang ramai juga boleh mendapatkan maklumat calon yang bertanding di bahagian pilihan raya masing-masing serta keputusan pilihan raya umum. Sehingga 31 Ogos 2021, MySPR Semak mencatatkan rekod melebihi 1.3 juta muat turun.

Aplikasi MyHRMIS Mobile adalah inovasi yang dihasilkan sendiri oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) khusus untuk kegunaan penjawat awam di Malaysia.

Aplikasi ini merangkumkan kesemua fungsi pengurusan maklumat peribadi, pengurusan cuti, pengurusan surat jaminan hospital dan fungsi tambahan lain yang memudahkan pengurusan sumber manusia untuk penjawat awam.

MyHRMIS Mobile mempunyai lebih daripada 1 juta muat turun sejak dimuat naik ke dalam GAMMA pada bulan Februari 2021.

### **Hackathon aplikasi mudah alih**

Dalam usaha menggalakkan pembangunan aplikasi mudah alih dan menjana pemikiran kreatif serta inovatif dalam penyampaian perkhidmatan awam, MAMPU telah menganjurkan program Hackathon yang dilaksanakan secara tahunan bermula pada tahun 2015.

Pada tahun 2020, program Hackathon ini telah dijenamakan sebagai CHIPTA iaitu singkatan bagi Challenge on Innovation and Problem Solving through Technology Advancement.

Program CHIPTA adalah hasil gabungan pertandingan Hackathon Aplikasi Mudah Alih dan pertandingan Hackathon Data Terbuka yang pernah dianjurkan oleh MAMPU sebelum ini.

CHIPTA menyediakan platform kepada masyarakat bagi mereka cipta pelbagai penyelesaian berinovasi dan kreatif dengan menggunakan teknologi terkini berasaskan pembangunan aplikasi dan produk analisis data raya atau kecerdasan buatan.

Selain itu, CHIPTA mewujudkan peluang kepada sektor kerajaan untuk bekerjasama dengan sektor industri dan universiti termasuk ahli akademik dalam usaha memperkasakan penghasilan produk dan inovasi ke arah meningkatkan pertumbuhan ekonomi serta kesejahteraan rakyat.

Pada tahun ini, program CHIPTA 2021 diteruskan dengan penyertaan sebanyak 123 pasukan. Para pemenang bagi setiap kategori yang dipertandingkan bakal diumumkan pada November 2021.



Bagi memastikan momentum penggunaan aplikasi kerajaan terus meningkat, GAMMA mengorak langkah ke depan dengan mengadakan kolaborasi dengan sektor industri dan penyedia teknologi mudah alih, iaitu Huawei.

Sejak Huawei memperkenalkan Huawei AppGallery secara global pada 2018, GAMMA telah mengambil inisiatif untuk turut memuat naik semua aplikasi kerajaan ke dalam AppGallery.

Sehingga Ogos 2021, sebanyak 40 peratus aplikasi mudah alih kerajaan dalam GAMMA telah tersedia untuk dicapai melalui AppGallery.

Selain itu, pelbagai inisiatif lain turut dilaksanakan bagi menguar-uarkan teknologi baharu kepada penjawat awam seperti mengadakan bengkel dan seminar.

Usaha sama antara MAMPU dengan Huawei ini telah menghasilkan impak positif apabila merekodkan kehadiran yang tinggi dan peningkatan bilangan aplikasi mudah alih kerajaan baharu yang dihasilkan.

Menerusi kerjasama yang dijayakan oleh GAMMA dan Huawei, MAMPU telah menerima pengiktirafan HMS Ecosystem's Outstanding Partner Award 2020 pada 20 Ogos 2021 dan disampaikan pada program Huawei Developer Day 2021.

Pengiktirafan ini diberikan berdasarkan jumlah peratusan aplikasi mudah alih kerajaan yang berada dalam Huawei AppGallery serta kejayaan penganjuran bersama Bengkel Pembangunan Aplikasi Mudah Alih menggunakan teknologi terkini Huawei Mobile Services (HMS) pada tahun 2020 dan tahun 2021.

#### **Hala tuju GAMMA**

Dalam usaha menyokong agenda pendigitalan negara, GAMMA sentiasa berusaha untuk menambah baik perkhidmatan bagi memastikan setiap agensi mendapat manfaat melalui penawaran perkhidmatan guna sama yang mengoptimumkan sumber dalam agensi kerajaan.

Penambahbaikan fungsi GAMMA daripada platform penerbitan utama aplikasi mudah alih kerajaan kepada satu Enterprise App Store setanding dengan App Store, Google Play Store dan HuaweiApp Gallery akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12.

Untuk maklumat lanjut berkaitan aplikasi-aplikasi yang terdapat dalam GAMMA, sila layari

<https://gamma.malaysia.gov.my> atau muat turun aplikasi GAMMA.my daripada [App Store](#), [Google Play Store](#) dan [HuaweiApp Gallery](#).